



SIARAN MEDIA

PEMANTAUAN CERUN KRITIKAL DAN SISTEM AMARAN AWAL TANAH RUNTUH

Jabatan Meterologi Malaysia telah melaporkan bahawa Fasa Timur Laut telah bermula pada 3 November 2021 dan dijangka akan berterusan sehingga Mac 2022 dengan beberapa siri hujan lebat secara menyeluruh akan berlaku di kebanyakan negeri dengan purata hujan di antara 50 mm hingga 850 mm.

Curahan hujan berterusan yang bermula pada 16 sehingga 19 Disember 2021 telah mengakibatkan bencana banjir dan tanah runtuh khususnya di Selangor serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan **lebih daripada 100** kejadian tanah runtuh telah direkodkan di kedua-dua negeri tersebut.

Sebagai tindakan kesiapsiagaan dalam menghadapi bencana geologi tanah runtuh, JMG telah melaksanakan pemantauan terhadap 220 cerun kritikal di seluruh negara. Sejumlah **122 lokasi cerun** telah diklasifikasikan sebagai cerun kritikal tahap tinggi (**hot spots**) yang berpotensi berlakunya bencana tanah runtuh.

JMG telah memuat naik maklumat berkenaan dalam media sosial rasmi Jabatan seperti Twitter dan Facebook. Maklumat ini turut dikongsikan bersama pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan juga ahli Jawatankuasa Pelan Induk Cerun Negara yang turut dianggotai oleh semua Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan dan Agensi yang terlibat dalam SAR.

Melalui perkongsian maklumat ini, diharapkan orang awam khususnya di kawasan *hot spots* tanah runtuh yang telah dikenalpasti seperti di Selangor (Bukit Antarabangsa, Sg. Penchala), Pahang (Cameron Highlands), Negeri Sembilan (Genting Peres), Kedah (Gunung Jerai), Pulau Pinang (30 kawasan), Sarawak (Bukit Canada Miri, Kapit, Santubong), Sabah (Keningau, Kg. Kiau-Melangkap-Kundasang-Ranau, Sandakan, Sepanggar, Kota Kinabalu) akan lebih berwaspada dan dapat mengambil tindakan awal segera jika wujud tanda awal berlakunya tanah runtuh.

KeTSA melalui JMG sedang membangunkan sistem amaran awal dengan kerjasama pihak UTM melalui projek perintis di Gunung Jerai, Kedah. Kerja-kerja untuk mendapatkan nilai ambang (*threshold value*) kadar curahan hujan sedang giat dilaksanakan bagi membuat ramalan amaran awal tanah runtuh kepada penduduk setempat.

Orang awam diminta menghubungi segera **talian Hotline PIC JMG Negeri** yang boleh didapati di portal rasmi JMG Malaysia (www.jmg.gov.my) untuk mendapatkan maklumat lanjut atau memaklumkan sebarang tanda atau kejadian tanah runtuh yang berlaku.

YB. DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI

24 DISEMBER 2021

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli

Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



[ketsa.malaysia](https://www.instagram.com/ketsa.malaysia)